



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (95)

Tarikh : 27 Disember 2021

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED DALAM USAHA PEMBERSIHAN PASCA BANJIR

PUTRAJAYA, 27 Disember 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyahut baik kenyataan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara pada hari ini berhubung Mesyuarat *Task Force* Pengurusan Pasca Banjir dan Kesiapsiagaan Menghadapi Gelombang Kedua Banjir yang telah diadakan pada pagi ini.

Dalam kenyataan tersebut KPKT telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi penyelarasan bagi kerja-kerja pembersihan pasca banjir. KPKT sebagai sebuah pasukan dalam Keluarga Malaysia akan meneruskan usaha pemulihan pasca banjir serta menggiatkan usaha untuk mendepani gelombang banjir kedua. KPKT juga akan bekerjasama dengan semua pihak samada agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan orang perseorangan agar usaha kali ini akan lebih bersepadu dan tersusun.

Sepertimana yang telah diputuskan, KPKT akan memberi tumpuan kepada kerja pembersihan kawasan yang telah dilanda banjir. Melalui agensinya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau SWCorp, usaha pembersihan akan dilipatgandakan melalui pertambahan jumlah aset seperti tong roro, jentera pengangkut serta *backhoe* selain kerjasama bersama pelbagai pihak dan penambahan anggota sukarelawan bagi menampung keperluan tersebut.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan komitmen beliau untuk terus memastikan kerja-kerja pembersihan pasca banjir diberi keutamaan oleh KPKT. Semua agensi berkaitan telah digerakkan tanpa melihat kepada sempadan perundangan khususnya negeri yang

tidak mengguna pakai Akta 672 seperti Selangor. Lebih banyak aset akan digerakkan bagi membolehkan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan pantas.

Beliau yang telah dapat bersama-sama pasukan KPKT turun ke lapangan di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan turut memaklumkan bahawa kerja-kerja pasca banjir termasuklah pembersihan awam, kutipan sampah dan pelupusan sisa amatlah penting dilakukan segera bagi mengelakkan sebarang penyebaran penyakit. Selain itu, ia juga berkait rapat dengan kesihatan mental dan psikologi rakyat yang terpaksa menghadapi detik cemas selain kemusnahan harta benda.

Beliau turut menambah bahawa kerjasama rentas agensi termasuklah bersama NGO dan sukarelawan individu serta solidariti rakyat merupakan kunci yang membolehkan usaha pembersihan kawasan yang terjejas dapat dilakukan dengan segera.

Sehingga kini, bagi tumpuan kerja pembersihan pasca banjir SWCorp telah memperuntukkan kira-kira **RM6 juta** meliputi kerja-kerja pembersihan awam, kutipan dan pelupusan di negeri yang terjejas dan telah menggerakkan **234 unit jentera dan peralatan khusus** bagi membantu kerja-kerja pasca banjir dan telah membantu lebih 3,000 buah rumah yang terjejas banjir. Pihak KPKT juga telah menggerakkan hampir 130 unit jentera dan kenderaan daripada tiga konsesi iaitu Alam Flora Sdn.Bhd, SWM Sdn.Bhd dan E-Idaman Sdn.Bhd setiap hari. Kerjasama bagi mengelakkan pertindihan kawasan pelupusan sisa juga telah dilaksanakan di negeri Selangor bersama pihak KDEB Waste. Sejumlah lebih kurang 465 tan sampah telah berjaya dilupuskan dan dibersihkan dikawasan yang terjejas banjir.

Selain kerja-kerja pembersihan, KPKT telah memulakan gerak kerja banjir seawal 18 Disember 2021 ketika beberapa negeri dilanda banjir luar jangkaan terutamanya di Negeri Selangor melalui mobilisasi seramai 5,000 anggota bomba melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) bagi Fasa 1 KPKT iaitu bagi operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir. Sebanyak 3,608 operasi telah digerakkan termasuk operasi pemindahan 16,926 mangsa, pemindahan pesakit, sanitasi, pemantauan kawasan dan lain-lain lagi dengan gerakan 3,371 aset termasuk bot, jentera bomba, lori dan aset utiliti bomba lain.

Bagi Fasa 2 iaitu Misi Pemulihan Pasca Banjir, KPKT juga menggerakkan seramai 430 orang sukarelawan atau “*MyLiveable Squad*” bagi aktiviti turun padang **misi pembersihan pasca banjir**. Sukarelawan *MyLiveable Squad* terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian, jabatan dan agensi.

KPKT melalui Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) turut menyediakan Bantuan Bakul Bencana bernilai RM5 juta berupa makanan kering dan basah, keperluan-keperluan asas seperti set selimut, tilam dan tuala serta keperluan lain seperti periuk nasi dan dapur memasak bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir.

Sebagai rumusan, KPKT dan agensi di bawahnya juga telah memperuntukkan sebanyak **RM 61 juta** bagi usaha pemulihan banjir seluruh negara dengan perincian seperti berikut:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) : **RM 50 Juta** (kos membaik pulih infrastruktur di 25 PBT yang terjejas banjir);
- b) PR1MA : **RM 5 juta** (keperluan asas, bakul makanan dan lain-lain); dan
- c) SWCorp : **RM 6 juta** (kos kerja pemulihan dan pembersihan pasca banjir).

Kementerian ingin menasihatkan orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga semasa musim banjir ini serta kekal menjaga SOP bagi mengelakkan penularan COVID-19. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan ***National Disaster Command Centre (NDCC)*** di **03-8064 2400** sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT
#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my